

Headline	Teruja nak ke Bosnia esok		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	13 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Bintang Popular	Circulation	297,950
Page No	9	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	315 cm ²
Journalist	Yana Samsudin	AdValue	RM 10,664
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,993



Yana Samsudin →

Twitter: @yanasamsudin



Teruja nak ke Bosnia esok

Assalamualaikum dan salam sejahtera semua, apa khabar? Sihat ke tidak? Apa perkembangan korang sekarang, OK ke?

Ketika ini Yana masih dalam proses penggambaran drama 13 episod, *Kalau Hati Ini Rama-Rama* arahan Izzman Hafiz, kawan sekelas Yana dari UiTM dulu. Wah... dah jadi pengarah sekarang yek. Kat set penggambaran juga ada lagi seorang kawan Yana bertugas sebagai *soundman* iaitu Zainor Hisham. Sebenarnya, Zainor pensyarah universiti. Disebabkan ingin menimba ilmu dalam industri seni, dia sanggup jadi *soundman* sebagai kerja kursus untuk memantapkan lagi kemahirannya. Jadi, Zainor bolehlah berkongsi ilmu dengan pelajarinya.

Seorang lagi kawan Yana terbabit sebagai pelakon ialah

Iskandar Zulkamain. Iskandar ialah penerbit rancangan televisyen tau. Hmm... bangganya apabila dapat tahu kawan-kawan Yana di UiTM berjaya dalam hidup dan kerjaya. Alhamdulillah, ramai lagi kat luar tu yang berjaya, cuma Yana belum dapat ikuti perkembangan mereka.

Haa... esok 14 April, Yana akan berangkat ke Bosnia untuk meneruskan penggambaran drama ini di sana. Teruja juga rasa hati sebab inilah kali pertama Yana akan menjejakkan kaki ke Bosnia. Dengarnya, tempat kat sana sangat cantik dan Malaysia juga mempunyai hubungan baik dengan Bosnia. Doakan semuanya lancar ya... Insya-

Allah, Yana akan bercerita lebih lagi mengenai Bosnia nanti ya. Terujanya nak ke sana.

Pada masa sama, Yana baru saja terbabit dalam penggambaran satu produk komersial di Johor. Hmm... kalau nak tahu produk apa, tunggu pelancarannya Ogos nanti, insya-Allah. Dah lama rasanya tak terbabit untuk penggambaran komersial, kali terakhir pada 2007.

Magis ucapan terima kasih. Ia diterapkan dalam budaya penggambaran komersial ini. Ketika produksi berjalan, sekalipun kita didesak bersiap cepat, diminta mengulangi lakonan atau ditegur, ia disusuli ucapan terima kasih.

Walaupun rasa agak letih dan tertekan, tetapi magisnya ucapan terima kasih itu terus membuat hati ini secara tidak langsung tenang bekerja.

Dengan cara kerja pantas, tersusun dan kreatif, Yana ingin mengucapkan terima kasih kepada pengarah dan krunya dari Singapura.

OK... Jom bual pasal filem pula. Filem apa korang semua tonton di pawagam minggu ni? Kalau tanya Yana, sempat juga Yana tonton filem *Apokaliptis X* arahan Abang Mamat Khalid. Filem yang mula ditayangkan 3 April lalu menggunakan hampir 70 peratus kesan khas CGI. Idea dan konsep ceritanya lain daripada kebiasaan di Malay-

sia, manakala pemakaian dan props lokasi begitu menarik. Jadi, apa tunggu lagi, ramai-ramai ke pawagam, sokonglah filem tempatan ye...

Selepas kejayaan *Zombie Kilang Biskut* yang mendapat kutipan RM1.3 juta, nampaknya filem arahan Mamat Khalid agak berjaya meraih perhatian peminat filem tempatan walaupun sekarang seluruh negara masih berseidih mengenai kehilangan pesawat MH370.

Haa... ni ada sesuatu menarik Yana nak kongsi dengan peminat. Bagi yang terlepas menonton filem yang pernah Yana bintanginya ketika tayangan di panggung, sekarang bolehlah menonton saluran Dunia Sinema menerusi HyppTV yang dilancarkan oleh Telekom Malaysia atas usaha sama Metrowealth,

di bawah naungan Mejar (K) David Teo dan Madam Jane Lim.

Daripada cerita *Adnan Sempit* kepada *Kongsi, Bini-Biniku Gangster* dan lain-lain lagi, korang boleh tonton di Dunia Sinema tau. Daripada korang beli DVD cetak rompak tu, lebih baik beli cara sah, melanggan cerita tempatan dengan harga murah, bila-bila masa saja di kaca TV. Ala... zaman sekarang Yana percaya ramai nak tengok cerita kegemaran mereka mengikut masa lapang mereka, kan?

Baiklah, sampai di sini saja untuk kali ini. Jaga diri semua. Jangan lupa tengok drama siri *Suami Ku Jururawat Isteriku Doktor* setiap Sabtu, jam 9 malam di TV3. Instagram/Twitter: @YanaSuperFriend / www.yanasamsudin.com